

PM tidak arah MC saman Indonesia

10 JULAI 2000

KUALA LUMPUR 3 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah secara langsung memberi persetujuan kepada Malaysian Consortium (MC) supaya mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan Indonesia, kata wakil konsortium itu, Datuk Hashimuddin Abdul Kadir.

Beliau berkata, Dr. Mahathir sekadar menyerahkan kepada kebijaksanaan MC untuk bertindak atas faktor komersial jika kepentingan mereka dinafikan dalam projek Jalan Lingkar Luar Jakarta (JORR) yang tertangguh sejak 1997.

Beliau yang juga Pengerah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Perspec Prime (M) Sdn. Bhd. telah dilaporkan oleh akhbar *Koran Tempo*

Indonesia, semalam sebagai berkata, rancangan penyaman kerajaan Indonesia telah dipersetujui oleh Dr. Mahathir.

Kata Hashimuddin, laporan *Koran Tempo* itu telah disensasikan dan beliau ingin memperbetulkan kenyataan itu kerana tidak mahu ia menjejaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Beliau menambah, kerajaan Malaysia dan Dr. Mahathir juga mengikuti perkembangan projek JORR dan kedudukan MC.

"Perdana Menteri telah dimaklumkan tentang masalah MC dan tindakan-tindakan yang bakal diambil," katanya di sini, hari ini.

Perspec Prime, adalah anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom membentuk MC bersama-sama Ranshill, Roadbuilder dan Comtrac.

Masing-masingnya memiliki 25 peratus saham.

Hashimuddin berkata, Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu sendiri telah menghantar surat kepada Presiden Megawati Sukarnoputri dan Menteri Ekonominya, menyatakan sokongan kerajaan Malaysia terhadap MC untuk membangunkan projek JORR.

"Ini kerana Indonesia telah memutuskan supaya MC dipilih sebagai 'rakan kongsi strategik' dalam projek itu pada 15 Februari 2001," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, tindakan lanjut tetap tertangguh kerana Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Indonesia mahukan perbandingan melalui proses 'right to match' (RTM).

Menurutnya, PT Jalan Lingkarluar Jakarta (PT-JLJ) telah menolak tiga

pembida termasuk sebuah syarikat Itali untuk RTM dan paling aneh, penolakan itu turut melibatkan MC walaupun ia tidak ada kena mengena dengan proses itu.

Hashimuddin juga menjelaskan pelantikan MC sebagai rakan strategik telah disaksikan oleh Dr. Mahathir dan bekas Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid (Gus Dur).

Katanya, kerajaan Indonesia, kemudian memutuskan supaya bekas pemegang saham terdahulu tidak dibenarkan terlibat dalam projek JORR kerana mereka terdiri daripada kumpulan keluarga Cendana yang dikuasai Suharto.

"Oleh itu, MC dengan persetujuan kerajaan Indonesia menandatangani satu MoU dengan IBRA (Agensi Penyusunan Se-

mula Bank Indonesia) pada 26 Julai 2000 untuk meneruskan projek JORR yang telah diambil alih IBRA," katanya.

Hashimuddin berkata, MC bersedia untuk bekerjasama dan menyokong kerajaan Indonesia dalam membangunkan projek JORR sesuai dengan usaha negara itu untuk menyakinkan pelabur asing.

"MC berharap kerajaan Indonesia dapat berpegang kepada keputusan terakhirnya iaitu bertarikh 15 Februari 2001 supaya rundingan dapat diteruskan dan projek itu dimulakan segera," katanya.

Beliau menegaskan, setelah melabur lebih AS\$3 juta (RM11.4 juta) sejak tiga tahun lalu, MC tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan mahkamah jika Indonesia tidak menghormati perjanjian.